



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

Sewa tanpa lesen: Persisi disaman \$24,000

Berita Harian, 1 October 1994, Page 12

Article also available on Microfilm Reel NL19780

Printer-Friendly Page

Sewa tanpa lesen: Persisi disaman \$24,000

PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) telah dikenakan saman sebanyak \$24,238.71 kerana menyewakan sebahagian daripada rumah persatuannya kepada sebuah tadika swasta.

Persisi telah menyewakan rumahnya di nombor 10, Kampong Eunos itu kepada Nur Kindergarten dari April hingga November tahun lalu tanpa mendapatkan keizinan daripada pejabat tanah.

Tanah rumah Persisi itu telah disewakan kepada Perseatuan Rakyat (PA) oleh Pejabat Tanah pada kadar sewa rendah sejak Disember 1989.

Ia merupakan bangunan bekas Balai Rakyat Kampong Eunos yang sudah tidak digunakan lagi.

PA pula telah membenarkan Persisi menggunakan kawasan itu untuk kegiatan silatnya dan bukan untuk tujuan komersil.

Bagaimanapun, Persisi telah menyewakan sebahagian daripada bangunannya itu kepada Nur Kindergarten tanpa memberitahu pihak PA atau Pejabat Tanah.

Ketika dihubungi, jurucakap Pejabat Tanah menyatakan pihaknya telah menyiasat perkara itu setelah menerima aduan bahawa Persisi menyewakan rumah persatuannya itu kepada sebuah tadika tanpa mendapatkan lesen.

"Ini adalah salah dan kami terpaksa mengambil tindakan ke atas mereka," katanya lagi.

Jika Persisi, menurut jurucakap itu lagi, mahu menyewakan rumahnya itu kepada sebuah tadika, ia harus membayar sewa bulanan mengikut harga pasaran.

Sementara itu, Presiden Persisi, Encik Abdul Rahman Ismail, berkata: "Pihak kami tidak bertujuan menjalankan kegiatan komersil atau menggaup sebarang keuntungan."

Persisi, ujarnya, sekadar

Oleh | HANI MUSTAFA

menumpangkan Nur Kindergarten di bangunan itu sementara ia mendapatkan tempat yang sesuai.

Encik Abdul Rahman berkata ketika itu Nur Kindergarten sedang mencari kawasan baru setelah kontraknya bersama Pertapis tamat.

Persisi kemudiannya bersejua menempatan Nur Kindergarten dari April hingga November tahun lalu.

"Kami sekadar membantu mereka dan tidak pula sedar bahawa perbuatan itu adalah salah dari segi undang-undang," kata Encik Abdul

Rahman.

Persisi telah memungut yuran bulanan sebanyak \$3,000 sepanjang lapan bulan Nur Kindergarten menetap di rumahnya itu.


Setiasaha Persisi, Encik Sarkawi Maksom, menerangkan, perkara itu adalah kesilapan teknikal bagi pihaknya.

Menurut beliau, Persisi tidak berniat menjalankan sebarang kegiatan komersil secara senyap.

"Kami akui kami sepatutnya mendapatkan keizinan Pejabat Tanah sebelum menerima tadika itu," katanya.

“ Pihak kami tidak bertujuan menjalankan kegiatan komersil atau mengaup sebarang keuntungan... Kami sekadar membantu mereka dan tidak pula sedar bahawa perbuatan itu adalah salah dari segi undang-undang ”

— Presiden Persisi, Encik Abdul Rahman Ismail.



MENYEWAKAN TANPA LESEN: Rumah Persisi yang disewakan sebahagiannya kepada sebuah tadika swasta telah disaman Pejabat Tanah kerana tidak mendapat kelulusan rasmi daripada mereka. — Gambar oleh ZAINAL YAHYA.

Gambar oleh **ZAINAL YAHYA.**